

Menteri kena teliti semua teguran Ketua Audit Negara

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Setiap kementerian perlu bertanggungjawab meneliti secara serius semua teguran dan syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2021 dengan memastikan tidak mengulangi kesilapan sama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, syor-syor dikemukakan dalam laporan itu seolah-olah tidak ada tindakan apabila kesalahan itu dikesan terus berlaku saban tahun.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, beliau tidak berhasrat untuk menyebut kementerian tertentu yang terkait dalam laporan berkenaan sebaliknya ia akan dibentangkan pada sesi sidang Dewan Rakyat akan datang.

"Ini merupakan laporan Ketua Audit Negara untuk tahun 2021, tetapi harus ada pengajaran dan menteri-menteri diminta meneliti semula teguran-teguran dibuat dalam mesyuarat pasca Kabinet.

"Saya percaya mereka akan mengemukakan pada waktu sesuai dan akan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Pejabat Perdana



ANWAR Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (kiri) selepas mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Menteri di bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Anwar berkata, Laporan Ketua Audit Negara penting kerana kesilapan sama dikesan berlaku seperti kurang pengawasan, membiar ketirisan dan menyerah kepada syarikat yang tidak mengikut peraturan serta hal-hal lain.

Anwar yang juga Menteri

Kewangan berkata, kesalahan yang dinyatakan itu tidak semestinya berunsur rasuah, tetapi turut membabitkan isu ketidakcekapan dalam pengurusan bidang masing-masing.

Dalam pada itu, Anwar menggesa kumpulan penjawat awam tidak berdiam diri jika dikesan wujud sebarang

pelanggaran undang-undang yang dibuat pihak atasan mereka.

Beliau berkata, bagaimanapun setiap teguran itu mempunyai mekanisme dan prosedur tertentu untuk disalurkan umpamanya mengemukakan pandangan ketika mesyuarat pasca Kabinet kementerian masing-masing.